

07 MAY 2001

Suhakam-Universiti

KERAJAAN DIGESA SEGERA TAWARKAN TEMPAT UNIVERSITI YANG TIDAK DIISI

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Seorang anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) berharap kerajaan akan segera menawarkan tempat yang tidak diisi pelajar Bumiputera di universiti kepada pelajar bukan Bumiputera yang mempunyai kelulusan terbaik.

Datuk Lee Lam Thye berkata adalah satu kerugian kepada negara sekiranya universiti-universiti di negara lain menawarkan tempat kepada pelajar pandai bukan Bumiputera.

"Pada ketika negara memerlukan bakat untuk mempercepatkan negara memasuki era baru teknologi maklumat dan komunikasi dan berusaha ke arah mencapai status negara maju, kita tidak mampu menghadapi perhijaran cendekiawan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata kerajaan mungkin membuka kuota tempata bagi pelajar Bumiputera yang gagal diisi di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kepada pelajar bukan Bumiputera.

Sebanyak 7,168 tempat di bawah kuota Bumiputera di IPTA dilaporkan tidak dapat diisi oleh mereka yang layak sedangkan terdapat kira-kira 500 pelajar bukan Bumiputera cemerlang yang tidak mendapat tempat.

Lee menyambut baik kenyataan Perdana Menteri itu dengan berkata kedua-dua pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera tidak harus dinafikan tempat di universiti dan institusi pengajian tinggi.

Sementara itu Parti Rakyat Malaysia (PRM) berpendapat satu kajian perlu dibuat untuk meminda Perlembagaan Persekutuan kerana ia tidak memberikan panduan jelas mengenai apa yang harus dibuat apabila kuota yang ditentukan untuk Bumiputera tidak dapat diisi kerana kekurangan calon.

Presiden PRM Dr Syed Husin Ali berkata Perlembagaan itu hanya merujuk kepada keadaan apabila bilangan calon melebihi tempat yang ditawarkan tetapi keadaan yang berlaku kini adalah sebaliknya apabila bilangan tempat melebihi bilangan calon Bumiputera.

"Perlembagaan Persekutuan tidak memberikan panduan jelas bagi menangani keadaan seperti ini. Pindaan terhadap kuota berkenaan perlu dibuat secara beransur-ansur mengikut keperluan dan perubahan keadaan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

-- BERNAMA

ZAI AZZ RON